

JURNAL AKADEMIK

Fasal Ekses dalam Polisi Insurans Motor:
Adakah ia menguntungkan Pemegang
Polisi?

Baduyah Obeng

Computer-assisted Language Learning (CALL)
in English-Language Teaching

John Francis Noyan

The Academic Performance of Pre-Science
Students in Relation to their SPM Results

Iris Syawe Seh Ling,
Ong Mooi Lian,
Yap Yin

Diwan Al-Barid (Kementerian Pos) dalam
Pemerintahan Khalifah Harun Al-Rashid
(170H-193H/786-909M)

Kamis b. Ismail

Analisa 'Casalty' Inflasi dan Penawaran
Wang di Malaysia

Rosita Hj. Suhaimi

ISSN 0128-2635



JURNAL AKADEMIK

		<i>Page No.</i>
Fasal Ekses dalam Polisi Insurans Motor: Adakah ia menguntungkan Pemegang Polisi?	Baduyah Obeng	1
Computer-assisted Language Learning (CALL) in English-Language Teaching	John Francis Noyan	9
The Academic Performance of Pre-Science Students in Relation to their SPM Results	Iris Syawe Seh Ling, Ong Mooi Lian, Yap Yin	17
Diwan Al-Barid (Kementerian Pos) dalam Pemerintahan Khalifah Harun Al-Rashid (170H-193H/786-909M)	Kamis b. Ismail	29
Analisa 'Casalty' Inflasi dan Penawaran Wang di Malaysia	Rosita Hj. Suhaimi	41

JURNAL AKADEMIK
INSTITUT TEKNOLOGI MARA SARAWAK

PENAUNG

DATO' IR. HJ. AHMAD ZAIDEE LAIDIN
(REKTOR ITM)

PENASIHAT

PROF. MADYA DR. ABDUL RAHMAN DEEN
(PROVOS ITM SARAWAK)

SIDANG REDAKSI JURNAL AKADEMIK

PROF. MADYA DR. FATIMAH BUJANG
PROF. MADYA YAP YIN
HAJAH LELAWATI A. HAMID
PUAN MARY GUNJEW
ENCIK SICK GOH NGONG
CIK WEE CHONG HUI
PUAN KHADIJAH HJ. KHALID
USTAZ ABU SUFIAN AB. GHANI
PUAN ROSITA HJ. SUHAIMI (SETIAUSAHA)

DIWAN AL-BARID (KEMENTERIAN POS) DALAM PEMERINTAHAN KHALIFAH HARUN AL-RASHID (170H-193H / 786M-909M)

Oleh

Kamis bin Ismail

Pengertian al-Barid

Terdapat beberapa pendapat berhubung dengan asal usul perkataan al-barid atau pos. Pertama, ia bukanlah berasal dari perkataan Arab tetapi sebenarnya adalah perkataan Latin yang diambil dari perkataan 'veradus' iaitu seekor binatang yang dikenderai oleh pekerja kemudian berubah kepada maksud lain iaitu 'satu jarak perjalanan yang ditempuhi'; seterusnya digunakan sebagai nama bagi sistem ini (pos) secara keseluruhannya.¹

Sementara Hasan Ibrahim Hasan dan 'Ali Ibarahim Hasan pula berpendapat bahawa perkataan ini adalah perkataan Farsi yang telah diArabkan dan perkataan asalnya dalam bahasa Farsi ialah 'barid dam' yang bermaksud 'digunting ekor'. Dinamakan demikian kerana orang-orang Farsi menggunting ekor baghal pos (baghal ialah kacukan kuda betina dan keldai jantan) yang digunakan bagi menghantar surat bertujuan membezakannya dengan binatang-binatang lain. Dengan itu dalam konteks ini, al-barid (pos) bermaksud 'utusan' (pembawa surat).²

Pendapat lain tentang al-barid (pos) ialah; walaupun ia berasal dari perkataan Farsi yang diArabkan, namun ia diambil dari kata kerja 'barada' atau 'abrada' yang seerti dengan 'arsala' (mengutus). Di samping itu, ada yang berpendapat bahawa ia diambil dari kata kerja 'barada' tetapi dengan maksud 'thabata' (tetap). Walau bagaimanapun, ada juga yang berpendapat bahawa ia sebenarnya berasal dari perkataan Arab itu sendiri.³ Dari segi bahasa, Ibn al-Tiqtaqa menjelaskan bahawa ia membawa maksud 'satu jarak tertentu sejauh dua belas batu'.⁴ Sementara itu, dari segi istilah pula ia bermaksud 'menempatkan kuda-kuda yang kurus lagi terlatih di beberapa perhentian pos, maka apabila posmen yang tangkas sampai ke satu perhentian pos sedangkan pada masa itu kuda posnya telahpun penat; ia akan menunggang kuda pos yang lain yang lebih cergas. Apabila ia sampai ke perhentian pos berikutnya, ia akan menunggang kuda pos lain yang lebih cergas; begitulah seterusnya sehinggalah al-barid (surat pos) sampai ke tempat yang dimaksudkan'.⁵ Walau bagaimanapun, sehubungan dengan perkara ini, Ibn al-Tiqtaqa cenderung untuk mengatakan bahawa tujuan atau faedah dari pelaksanaan pos adalah tidak lain dari cepatnya sampai berita dengan membuat rujukan pada zaman pemerintahan kerajaan Farsi.⁶

Kementerian Pos Zaman Umawiyah

Sistem pos merupakan satu sistem lama yang sudah dipraktikkan dalam pemerintahan raja-raja Rom dan Farsi dan yang berbeza hanyalah dari segi jauh dan jaraknya sahaja. Tokoh yang mula memasukkan sistem ini ke dalam pentadbiran Islam ialah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang mengambilnya dari Rom ketika beliau memerintah di Syam (Syria) dan beliau begitu mengambil berat tentang urusan-urusan pos. Sistem ini diteruskan terutamanya dalam pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, Khalifah 'Umar bin Abdul 'Aziz dan Khalifah Hisham bin Abdul Malik. Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh khalifah-khalifah di atas ialah membuat beberapa pembaikan kepada sistem pos, membina banyak bangunan-bangunan pos seperti yang dilakukan oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, mendirikan persinggahan-persinggahan pos di Lebuhraya Khurasan dan Khalifah Hisham bin Abdul Malik sendiri misalnya, telah membelanjakan sebanyak empat juta dirham wang negara bagi urusan pos di Iraq yang merupakan satu jumlah yang besar yang hanya melibatkan satu wilayah pos sahaja.⁷

Kementerian Pos Zaman Awal 'Abbasiyyah

Dalam zaman kekuasaan Kerajaan 'Abbasiyyah, perhatian yang lebih dan bertambah telah diberikan kepada sistem pos dan pemerintah-pemerintah kerajaan ini lebih banyak bergantung kepada sistem ini dalam urusan-urusan pentadbiran negara. Bagi kerajaan ini, pos telahpun bermula sejak revolusi lagi walaupun dalam bentuk yang terhad iaitu dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada sebelumnya iaitu persinggahan-persinggahan pos yang didirikan oleh Khalifah 'Umar bin Abdul 'Aziz di sepanjang Lebuhraya Khurasan dalam rangka menjatuhkan Kerajaan Bani Umayyah. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa sistem pos telah dimanfaatkan dengan begitu baik dan berkesan oleh pengasas kerajaan ini iaitu Khalifah Abu al-'Abbas al-Saffah. Dalam pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, pos mendapat kedudukan yang begitu penting dalam urusan pentadbiran negara. Beliau telah meletakkan pegawai pos sejajar dengan seorang qadi (hakim), ketua polis, dan pegawai pemungut cukai dari segi kepentingannya. Keempat-empat jenis pegawai di atas disifatkan sebagai tiang seri kuasa dan kekuasaan tidak akan berjalan lancar tanpa mereka. Apa yang beliau maksudkan dengan tiang-tiang seri kuasa ialah, qadi hendaklah seorang yang sedikitpun tiada gentar dengan cacian para pencaci dalam melaksanakan tuntutan Allah S.W.T., ketua polis bertugas menghindarkan orang yang lemah dari kezaliman orang yang berkuasa, pegawai pemungut cukai hendaklah seorang yang teliti dan tidak menzalimi rakyat manakala pegawai pos pula melaksanakan tugas dengan menulis kepadanya berita tentang semua pegawainya dengan laporan yang tepat. Selain

daripada itu, beliau juga menyifatkan keempat-empat pegawai di atas sebagai sebuah katil, sekiranya salah satu daripada keempat-empat kakinya rosak, ia sudah pasti akan roboh.

Pegawai pos merupakan orang perantara antara para gabenor dengan khalifah, menyampaikan arahan-arahan khalifah kepada gabenor-gabenor dan berita tentang mereka kepada khalifah. Ketua-ketua pos, menurut Jurji Zaydan adalah laksana telinga dan pengintip bagi pihak kerajaan, memanjangkan maklumat mengenai hal ehwal ketenteraan; begitu juga hal-hal kewangan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan urusan negara.⁸

Dalam pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur misalnya, orang-orang yang memegang pos-pos penting dalam urusan pos adalah pengintip-pengintip beliau, dan melalui mereka, beliau dapat menentukan sikap terhadap kegiatan para gabenor. Bukan setakat itu sahaja, malah penguasa-penguasa pos ini memberikan maklumat kepadanya tentang harga gandum, biji-bijian, lauk-pauk, makanan dan lain-lain lagi. Para pekerja pos menyampaikan maklumat-maklumat di atas kepadanya dengan kekerapan dua kali sehari iaitu apabila beliau telah menyelesaikan solat Maghrib, mereka memberitahunya perkara-perkara yang telah berlaku sepanjang hari dan apabila beliau telah menunaikan solat Subuh, mereka memberitahunya perkara yang berlaku pada sebelah malamnya. Bagi penyampaian maklumat melalui surat pula, semasa pemerintahan beliau juga (Khalifah Abu Ja'far al-Mansur), seorang pekerja pos telah menulis surat kepadanya menceritakan bahawa gabenornya di Hadramaut terlalu banyak keluar menghabiskan masa dengan berburu. Beliau lantas menulis surat kepada gabenor berkenaan menyatakan dengan penuh ketegasan: "Semoga kamu dimatikan ibu dan dinyahkan oleh kaum keluargamu! Alangkah buruknya perangai kamu hingga sanggup melakukan tindakan liar sebegitu rupa? Sesungguhnya kami hanya memerintahkan kamu menumpukan sepenuh perhatian kepada semua urusan orang-orang Islam dan kami tidak pernah meminta kamu memberikan perhatian kepada binatang-binatang liar. Oleh itu, selesai sahaja kamu membaca surat ini, serahkan segala tugas kamu kepada si anu bin si anu dan pulanglah ke pangkuan keluargamu dalam keadaan terbuang dan penuh kekejian".⁹

Oleh sebab khalifah-khalifah Kerajaan 'Abbasiyyah begitu mengambil berat tentang urusan pos, mereka telah menggunakan khidmat ini secara bersungguh-sungguh hinggakam kaum kerabat mereka telah diberi tugas dan dilibatkan sama bagi mendapatkan maklumat mengenai hal ehwal gabenor-gabenor mereka, para pegawai atasan kerajaan dan rakyat jelata bagi disalurkan kepada para khalifah berkenaan. Bukan setakat itu sahaja, malah sebahagian daripada para khalifah secara terang-terang telah melantik seorang pegawai khas yang amat dipercayainya untuk memperolehi maklumat-maklumat yang mereka kehendaki.¹⁰

Keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa setiap orang penting dalam negara ada sahaja orang kepercayaan khalifah yang ditugaskan untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang mereka untuk disampaikan kepada khalifah dan dari satu segi lagi ialah pekerja-pekerja pos adalah begitu penting bagi khalifah dalam memperolehi maklumat-maklumat yang penting, tepat dan segera. Berdasarkan keterangan ini juga, ada kemungkinan bahawa kaum kerabat khalifah akan mencari maklumat mengenai orang-orang awam dan individu-individu tertentu bagi disampaikan kepada khalifah. Dalam pada itu, pegawai yang telah dilantik oleh khalifah akan berada bersama-sama dengan wazirnya (menterinya) yang seterusnya akan melaporkan kepadanya tentang apa yang berlaku dalam majlis wazir tersebut. Di samping itu, pegawai berkenaan akan ikut serta dalam pertemuan yang dibuat antara wazir atau orang ramai (rakyat jelata) dengan khalifah. Perkara yang sama juga dibuat oleh para qadi, pegawai-pegawai atasan dan semua gabenor wilayah. Oleh yang demikian, pegawai-pegawai pos maupun pekerja-pekerja pos memiliki sifat sebagai pengintip dengan mendapatkan apa sahaja maklumat yang diperolehi dalam negara dan seterusnya menyampaikan maklumat-maklumat berkenaan kepada khalifah. Mereka tidak ubah seperti pengintip-pengintip pada hari ini. Antara pegawai pos dengan khalifah, tidak wujud sebarang sekatan, malah tiada siapapun yang berhak mendapatkan berita daripadanya sebelum beliau menemui khalifah kerana kata putus adalah terletak di tangan khalifah sama ada akan membuat pengumuman atau merahsiakan sahaja berita yang disampaikan kepadanya.¹¹ Dengan demikian, Diwan al-Barid (Kementerian Pos) tidak hanya terhad semata-mata bagi menyampaikan surat tetapi telah menjangkau hingga ke tahap risikan¹² bagi mengawasi pegawai kerajaan secara khusus. Baghdad yang menjadi ibu kota Kerajaan 'Abasiyyah merupakan pusat maklumat dan kegiatan risikan kerana setiap pegawai pos bagi semua wilayah dalam negara; apabila memperolehi maklumat penting, ia akan terus bertindak menghantarnya kepada Ketua Pos Negara di Kota Baghdad dan beliau akan terus melaporkannya kepada khalifah.

Kementerian Pos Zaman Khalifah Harun al-Rashid

(a) Sistem Pos Mencapai Kematangannya

Menurut Hashim Muhammad Ibrahim, sistem pos ini mencapai kesempurnaannya dalam pemerintahan dua orang khalifah Kerajaan 'Abasiyyah iaitu Khalifah al-Mahdi dan Khalifah Harun al-Rashid. Meskipun demikian, beliau tidak pula menjelaskan pencapaian kedua-duanya dalam bidang ini.¹³ Walau bagaimanapun, menurut Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah (Encyclopaedia of Islam), para sejarawan Arab sepakat mengatakan bahawa Khalifah Harun al-Rashid merupakan orang yang bertanggungjawab menyusun pentadbiran pos mengikut kaedah baru berdasarkan pengetahuan wazirnya

Yahya al-Barmaki yang terkenal itu.¹⁴ Pemerintahannya yang bercorak pentadbiran pusat itu telah memberikan perhatian yang begitu tinggi terhadap sistem pos dan perkara ini jelas dengan tertubuhnya Pejabat Pos Besar di Baghdad, yang mempunyai cawangan-cawangannya di seluruh pelosok negara tanpa kecuali. Sebagaimana sebelumnya, sistem pos dalam pemerintahan beliau hanya terbatas kepada keperluan negara, bukannya individu rakyat dalam negara.¹⁵

(b) Laluan-Laluan Pos

Jalan-jalan yang digunakan dalam perkhidmatan pos adalah begitu banyak sekali. Jalan-jalan atau laluan-laluan tersebut terdiri dari lapan lebuhraya iaitu Lebuhraya Baghdad ke Cyranica, Lebuhraya Baghdad ke Syria, Lebuhraya Baghdad ke China, Lebuhraya Marw ke Farghanah, Lebuhraya Naysabur ke Shiraz, Lebuhraya Baghdad ke Makkah, Lebuhraya Rom dan yang paling terakhir dan terbesar ialah Lebuhraya al-Fustat ke Lautan Atlantik. Lebuhraya Baghdad ke Cyranica melibatkan Baghdad, Mawsil, Balad, Sinjar, Ra's al-'Ayn, Haqqah, Manbij, Halab atau Aleppo, Hamah, Hims, Ba'albak, Dimashq, Tibris, Ramallah, Ghifar, al-Fustat, Iskandariyyah atau Alexandria dan Cyranica. Lebuhraya Baghdad ke Syria bermula dari Baghdad melalui sepanjang sungai al-Furat (Euphrates) menghalu ke al-Anbar seterusnya ke Hit dengan melintasi sungai Euphrates dan berakhir di Syria. Lebuhraya Baghdad ke China melibatkan Baghdad, Hulwan, Hamadhan, al-Rayy, Naysabur, Marw, Bukhara, Samarkand dan berakhir di perbatasan negara China. Bagi Lebuhraya ke Farghanah (Lebuhraya Timur) pula, ia berpecah kepada beberapa tempat. Di Marw, ia berpecah dan memintas bahagian tengah Khurasan hingga Balkh, memintas Oxus berhampiran Tirmidh dan masuk ke Farghanah melalui Rasht. Sementara Lebuhraya al-Fustat ke Lautan Atlantik, bermula dari al-Fustat terus ke Iskandariyyah dan al-Qayrawan, seterusnya menyusur pantai Sus al-Adna yang terletak selari dengan Lautan Atlantik. Jarak dari al-Qayrawan ke Sus al-Adna ialah 2150 batu dan lebuhraya ini juga merupakan penghubung antara Sepanyol dengan bahagian timur negara Islam. Laluan pos dapatlah dibahagikan kepada dua ketogori iaitu laluan-laluan utama dan laluan-laluan cabang atau cawangan yang terdapat di seluruh negara. Laluan-laluan utama adalah lapan lebuhraya di atas manakala laluan cabangnya berjumlah 930 buah semuanya. Setiap laluan terdapat perhentian-perhentian pos yang memang sudah tersedia dengan kuda-kuda atau unta-unta pos dan apabila seseorang tiba ke setiap perhentian pos, pekerja-pekerja pos akan menukarkan kuda-kuda pos yang mereka tunggangi dengan kuda-kuda baru pos yang lebih cergas agar mereka dapat sampai ke destinasi yang dituju dengan lebih cepat lagi.¹⁶

(c) Binatang-Binatang Pos

Binatang-binatang yang digunakan dalam perkhidmatan pos terdiri dari kuda, unta, hammam al-zajil (merpati pembawa surat) dan baghal. Unta hanya digunakan oleh orang-orang Islam pada peringkat awal tetapi diubah kepada penggunaan kuda mengikut jejak langkah orang-orang Farsi. Dalam hal ini, hammam al-zajil mempunyai peranan yang besar bagi orang-orang Islam dan burung merpati ini digunakan bagi membawa berita-berita penting dan sulit. Walau bagaimanapun, cara menghantar berita melalui burung merpati ini sudahpun dikenali dan dipraktikkan oleh umat-umat terdahulu. Namun begitu, orang-orang Islam telah memberikan perhatian yang lebih besar daripada umat-umat yang lain dalam perkara ini. Difahamkan bahawa penggunaan cara ini bermula di al-Mawsil. Kerajaan 'Abbasiyyah khususnya Khalifah Harun al-Rashid menggunakan cara ini bagi menangani dan mendapatkan berita-berita risikan dan ia dilakukan secara berterusan khususnya antara Kota Baghdad dengan Iskandariyyah dengan menggunakan burung merpati yang terkenal dengan jolokan 'Hammam Halab' (Merpati Aleppo).¹⁷ Berhubung dengan binatang-binatang pos di atas, ia hanya digunakan oleh pekerja-pekerja pos untuk keperluan negara semata-mata.

(d) Pekerja-Pekerja Pos

Dari segi para pekerja pos pula, hanya terdapat tiga kategori sahaja sehingga kekuasaan Khalifah Harun al-Rashid iaitu al-shu'udhi, al-kuhaniyyah dan pegawai-pegawai yang ditauliahkan bagi membuka al-khara'it¹⁸ di hadapan khalifah, manakala kategori keempat wujud selepas pemerintahan beliau.¹⁹ Apa yang dimaksudkan dengan kategori pertama iaitu al-shu'udhi ialah orang yang diutus khas oleh golongan umara' (para pembesar negara) untuk perkhidmatan pos. Kategori kedua iaitu al-kuhaniyyah ialah para perisik yang dihantar untuk tujuan risikan. Sementara kategori ketiga ialah pegawai-pegawai yang ditauliahkan bagi membuka al-khara'it sebagaimana yang dijelaskan di atas.

(e) Rombongan Pos

Terdapat apa yang dikenali sebagai 'rombongan pos' yang melibatkan empat puluh hingga lima puluh ekor binatang pos. Rombongan pos ini juga digunakan bagi membawa orang ramai bertemu khalifah atau amir (para pembesar atau wakil pemerintah) bagi mempercepatkan urusan pertemuan mereka. Dari segi kepantasan perkhidmatan pos pula, ia berbeza dengan berbezanya jalan-jalan pos yang dilalui dan binatang-binatang pos yang digunakan iaitu kuda atau unta. Pekerja-pekerja pos akan menggantung genta (loceng kecil) atau rantai di leher binatang-binatang pos. Oleh

itu, apabila sahaja binatang-binatang tadi bergerak, akan kedengaranlah bunyi bergemerengcing dan bunyi ini terkenal di kalangan pekerja-pekerja pos sebagai 'qa' qa' ah al-barid' (gemerengcing pos).

(f) Ketua Pos Negara (Sahib al-Barid)

Khalifah Harun al-Rashid telah juga memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh dan teliti berhubung dengan pemilihan Ketua Pos Negara (Sahib al-Barid), bahkan pegawai berkenaan juga bertugas sebagai perisik beliau. Beliau akan memilih Ketua Pos Negara orang yang amat dipercayainya, paling mahir dan paling hampir kepadanya kerana jawatan tersebut begitu berbahaya. Perkara ini disebabkan Ketua Pos Negara bukan hanya sekadar menyampaikan arahan-arahan beliau kepada para gabenor dan memindahkan berita-berita dari seluruh pelosok negara kepadanya secara terperinci; malah merisik gerak geri para pegawai dan musuh-musuhnya di luar perbatasan negara. Seandainya berlaku sesuatu yang membahayakan, ia akan memberitahu Khalifah Harun al-Rashid tentang perkara itu, namun; apabila keadaan pulih seperti sediakala, ia akan menyampaikan berita gembira itu kepadanya. Begitu juga, ia akan memberitahu khalifah tentang semua sekali pergerakan kaum di ceruk-ceruk yang jauh terpencil hinggalah kepada harga barangan di pasar-pasar yang menjalankan kegiatan ekonomi sama ada dalam bentuk hasil pertanian maupun hasil perkilangan.

(g) Peruntukan Kewangan Bagi Urusan Pos

Khalifah Harun al-Rashid juga telah menyediakan satu peruntukan yang besar bagi pejabat pos besar dan cawangan-cawangannya di seluruh negara dalam rangka menyediakan kemudahan-kemudahan yang secukupnya bagi memindahkan berita dengan segera. Sementara itu, dari segi keseluruhan perbelanjaan pos; ia berjumlah 159,100 dinar setahun²⁰ manakala dari satu sumber lagi, ia berjumlah 160,000 dinar²¹ iaitu satu jumlah yang agak besar pada masa itu. Walau bagaimanapun, kedua-dua jumlah di atas dari dua sumber yang berbeza tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Sekiranya kita mengambil angka 160,000 dinar sebagai perbelanjaan urusan pos dalam tempoh setahun dalam pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid, maka jumlah ini sebenarnya menyamai 3,520,000 dirham kerana menurut al-Jumard, 1 dinar (mata wang daripada emas) adalah bersamaan dengan 22 dirham (mata wang daripada perak) ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid.

Bagi melihat betapa besarnya peruntukan kewangan yang dibelanjakan oleh Khalifah Harun al-Rashid bagi urusan pos dalam setahun; ada baiknya kita tinjau keseluruhan pendapatan negara dalam pemerintahan beliau. Menurut al-Tabari, ketika

Khalifah Harun al-Rashid meninggal dunia, terdapat lebih daripada 900 juta dirham dalam Baytul Mal²² (Perbendaharaan Negara) yang mencerminkan satu jumlah pendapatan negara yang cukup mewah dan mengagumkan. Sekiranya harga seekor biri-biri pada masa itu bersamaan dengan satu dirham berdasarkan taksiran yang dibuat oleh al-Tabari,²³ maka jumlah di atas adalah menyamai lebih daripada 900 juta ekor biri-biri. Dalam pada itu, sekiranya kita mengambil kira harga semasa biri-biri di Malaysia yang bernilai tidak kurang daripada RM 250 seekor, maka nilai wang dalam Perbendaharaan Negara semasa kematian Khalifah Harun al-Rashid adalah melebihi RM 25 bilion (laksa); satu jumlah yang cukup besar walaupun pada zaman moden ini. Sekiranya nilai yang sama dipadankan dengan perbelanjaan pos pada zaman berkenaan, jumlah berkenaan (3,520,000 dirham) adalah menyamai 3,520,000 ekor biri-biri. Dengan taksiran harga RM 250 bagi seekor biri-biri seperti di atas, maka wang yang dibelanjakan untuk urusan tahunan pos berjumlah RM 880 juta, satu jumlah yang begitu besar bagi satu diwan (kementerian) daripada sekian banyak kementerian dalam pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid .

NOTA

- ¹ Hashim Muhammad Ibrahim (1952), *Majallah al-Azhar*, jilid 22, hal. 366.
- ² Hasan Ibrahim Hasan dan 'Ali Ibrahim Hasan (1970), *al-Nuzum*, hal. 226.
- ³ *Ibid.*
- ⁴ Ibn al-Tiqtaqa (1966), *al-Fakhri*, hal. 106.
- ⁵ Hasan Ibrahim Hasan dan 'Ali Ibrahim Hasan (1970), *al-Nuzum*, hal. 226.
- ⁶ Ibn al-Tiqtaqa (1966), *al-Fakhri*, hal. 107.
- ⁷ Sayyed Ameer Ali (1979), *A Short History*, hal. 417. Ini merupakan satu jumlah yang besar bagi satu pecahan sebuah diwan bagi satu wilayah sahaja iaitu Iraq. Jumlah tersebut memperlihatkan kepada kita tentang betapa pentingnya diwan ini dan betapa Khalifah Hisham bin Abdul Malik begitu mengambil berat tentang urusan dan perjalanan pos dalam negara.
- ⁸ Jurji Zaydan (1967), *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*, Jilid 1, hal. 230.
- ⁹ Hashim Muhammad Ibrahim (1952) *Majallah al-Azhar*, Jilid 22, hal. 368.
- ¹⁰ Jurji Zaydan (1967), *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*, jilid 1, hal. 231.
- ¹¹ *Ibid.*
- ¹² Berhubung dengan risikan ini, Hashim Muhammad Ibrahim berpendapat bahawa dalam bentuk sistem, ia sudahpun wujud dalam kerajaan dan pemerintahan Farsi yang seterusnya diwarisi oleh Kerajaan 'Abasiyyah. Menurutnya lagi, sistem seumpama ini memang diperlukan oleh sesebuah kerajaan yang luas dan berpemerintahan sendiri sebagaimana Kerajaan 'Abasiyyah. Lihat Hashim Muhammad Ibrahim (1952), *Majallah al-Azhar*, jilid 22, hal. 368.
- ¹³ *Ibid.*, hal. 367-368.
- ¹⁴ *Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah* (tanpa tarikh), jilid 7, hal. 179.
- ¹⁵ Abdul Jabbar al-Jumard (1956), *Harun al-Rashid*, jilid 2, hal. 348.
- ¹⁶ S.A.Q. Husaini (1970), *Arab Administration*, hal. 244-246.
- ¹⁷ Jurji Zaydan (1967), *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*, Jilid 1, hal. 233.
- ¹⁸ Iaitu buntil yang diperbuat daripada kulit digunakan bagi mengisi surat-surat pos yang bercop dengan si pengirim untuk disampaikan kepada si penerima. Dalam hal ini, cop tersebut sama ada akan dibuka sendiri oleh khalifah atau pegawai yang ditauliahkan membawanya. Lihat *ibid.*, hal. 232.
- ¹⁹ Iaitu pegawai-pegawai pos jalan kaki yang dikenali sebagai al-su'ah. Pegawai-pegawai al-su'ah ini ialah posmen-posmen gerakcepat yang mampu mengekalkan larian dan sabar dalam perjalanan sejauh tiga marhalah perjalanan (84 batu) tanpa henti dan merupakan pakar jalan kaki yang mempunyai kecergasan yang tinggi. Khalifah yang mula-mula memperkenalkannya ialah Khalifah

Mu'izz al-Dawlah dengan membentuk mereka di Kota Baghdad bertujuan menyampaikan isu-isu semasa kepada saudaranya Rukn al-Dawlah secara segera. Dalam zaman kekuasaannya, muncul dua orang pejalan kaki pos yang menjadi begitu terkemuka; seorang bernama Fadl dan seorang bernama Mar'ush yang mengatasi semua pejalan kaki pos pada masa itu. Kedua-dua orang pejalan kaki pos ini berjalan sejauh lebih daripada 40 farsakh sehari (kira-kira 140 batu sehari). Akhirnya perkhidmatan ini diluaskan ke seluruh negara. Lihat *ibid*.

²⁰ *Ibid*.

²¹ Hashim Muhammad Ibrahim (1952). *Majallah al-Azhar*, jilid 22, hal. 367.

²² Al-Tabari (1966), *Tarikh al-Rusul*, jilid 8, hal. 364.

²³ Al-Jumard (1956), *Harun al-Rashid*, jilid 2, hal. 362.

BIBLIOGRAFI

Ameer Ali, Sayyed (1979). *A Short History of the Saracens*, Kutub Khana Ishayat - ul - Islam, Delhi, India.

Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah (tanpa tarikh). Terjemahan Ibrahim Zaki Khurshid *et al.*, Jilid 7, Dar al-Sha'b, al-Qahirah, Mesir.

Hasan, Hasan Ibrahim dan Hasan, 'Ali Ibrahim (1970). *Al-Nuzum al-Islamiyyah*, Cet. 4, Matba'ah al-Nahdah al-Misriyyah, al-Qahirah, Mesir.

Husaini, S.A.Q. (1970). *Arab Administration*, Cet. 6, Sh. Muhammad Ashraf Kashmiri Bazar, Lahore, Pakistan.

Ibn Khaldun (tanpa tarikh). *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Matba'ah al-Bahiyyah, al-Qahirah, Mesir.

Ibn al-Tiqtaqa (1966). *Al-Fakhri fi al-Adab al-Sultaniyyah wa al-Duwal al-Islamiyyah*, Dar Bayrut li al-Tiba'ah wa al-Nashr, Bayrut, Lebanon.

Ibrahim, Hashim Muhammad (1952). "Al-Barid fi al-Islam" dalam *Majallah al-Azhar*, Jilid 22, Matba'ah al-Azhar, al-Qahirah, Mesir.

Al-Jahshiyari (1938). *Kitab al-Wuzara' wa al-Kuttab*, Cet. 1, Sunt. Mustafa al-Saqa, Ibrahim al-Abyari dan Abdul Hafiz Shalabi, Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih bi Misr, al-Qahirah, Mesir.

Journal of the Economic and Social History of the Orient (1971), Vol. XIV, E. J. Brill, Leiden, Holland.

Al-Jumard, Abdul Jabbar (1956). *Harun al-Rashid*, Jilid 2, Matba'ah Dar al-Kutub, Bayrut, Lebanon.

Mustafa, Shakir (1973). *Dawlah Bani al-'Abbas*, Jilid 1, Cet 1, Wakalah al-Matbu'at, al-Kuwayt, Kuwait.

Samadi, S.B. (1971). "Some aspects of the theory of the state and administration under the Abbasids" dalam *Islamic Culture*, Vol. XXIX, Johnson Reprint Corporation, New York, USA.

Al-Tabari (1966). *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Jilid 8, Sunt. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, Dar al-Ma'arif bi Misr, al-Qahirah, Mesir.

Zaydan, Jurji (1967). *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*, Jilid 1, Manshurat Dar Maktabah al-Hayah, Bayrut, Lebanon.

The following table shows the results of the experiments conducted during the year 1900.

TABLE I

RESULTS OF EXPERIMENTS ON THE EFFECTS OF VARIOUS FACTORS ON THE GROWTH OF PLANTS

Factor	Height (cm)	Weight (g)	Chlorophyll (mg)
Control	15.0	10.0	5.0
Light	18.0	12.0	6.0
Water	16.0	11.0	5.5
CO2	17.0	11.5	5.8
Temperature	19.0	13.0	6.5
Humidity	17.5	12.5	6.2
Soil	16.5	11.8	5.9
Light + Water	20.0	14.0	7.0
Light + CO2	19.5	13.5	6.8
Light + Temperature	21.0	15.0	7.5
Light + Humidity	19.0	14.0	7.0
Light + Soil	18.5	13.5	6.8
Water + CO2	17.0	12.0	6.0
Water + Temperature	18.0	13.0	6.5
Water + Humidity	17.5	12.5	6.2
Water + Soil	17.0	12.0	6.0
CO2 + Temperature	18.5	13.5	6.8
CO2 + Humidity	18.0	13.0	6.5
CO2 + Soil	17.5	12.5	6.2
Temperature + Humidity	20.0	14.0	7.0
Temperature + Soil	19.5	13.5	6.8
Humidity + Soil	19.0	14.0	7.0
Light + Water + CO2	22.0	16.0	8.0
Light + Water + Temperature	23.0	17.0	8.5
Light + Water + Humidity	21.5	15.5	7.8
Light + Water + Soil	21.0	15.0	7.5
Light + Water + CO2 + Temperature	24.0	18.0	9.0
Light + Water + CO2 + Humidity	23.5	17.5	8.8
Light + Water + CO2 + Soil	23.0	17.0	8.5
Light + Water + Temperature + Humidity	25.0	19.0	9.5
Light + Water + Temperature + Soil	24.5	18.5	9.2
Light + Water + Humidity + Soil	24.0	18.0	9.0
Light + Water + CO2 + Temperature + Humidity	26.0	20.0	10.0
Light + Water + CO2 + Temperature + Soil	25.5	19.5	9.8
Light + Water + CO2 + Humidity + Soil	25.0	19.0	9.5
Light + Water + Temperature + Humidity + Soil	27.0	21.0	10.5
Light + Water + CO2 + Temperature + Humidity + Soil	28.0	22.0	11.0